



SOALAN LAZIM (FAQ)
MENGENAI APLIKASI MUDAH ALIH GERAK MALAYSIA
SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

A. MENGENAI GERAK MALAYSIA

1. Apa itu aplikasi mudah alih Gerak Malaysia?

Aplikasi mudah alih Gerak Malaysia berfungsi sebagai platform permohonan kebenaran perjalanan kepada rakyat Malaysia yang ingin melakukan perjalanan antara negeri sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Aplikasi ini akan menggunakan data pergerakan untuk membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengawal pergerakan trafik dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha melakukan pengesanan kontak.

Kod QR yang dijanakan aplikasi ini akan menjadi permit kebenaran digital untuk Perjalanan Antara Negeri (*interstate travel*), dan juga jenis perjalanan yang lain.

2. Siapa yang membangunkan Gerak Malaysia?

Gerak Malaysia telah dibangunkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama beberapa syarikat telekomunikasi, untuk membantu PDRM dalam menguruskan pergerakan semasa PKPB.

3. Apakah tujuan aplikasi mudah alih Gerak Malaysia?

Menyedari pandemik Covid-19 yang berlaku, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membataskan semua pergerakan tidak perlu dari 18 Mac sehingga 12 Mei 2020 dalam usaha mengekang penyebarannya.

Memandangkan Covid-19 boleh disebarkan secara mudah jika seseorang berada rapat dengan individu yang dijangkiti, keupayaan mengesan serta sistem

permohonan perjalanan adalah langkah yang penting bagi Kerajaan untuk menangani penyebaran Covid-19 secara efektif dan memastikan rakyat bebas daripada virus tersebut.

Aplikasi ini juga memanfaatkan data mobiliti untuk pengesanan kontak hampir masa nyata¹ dalam melengkapkan usaha KKM melakukan pengesanan kontak.

4. Apakah jenis maklumat yang akan dikumpul?

Maklumat yang diperlukan semasa pendaftaran adalah:

- i. Nama
- ii. Nombor Telefon
- iii. Nombor Kad Pengenalan/Pasport
- iv. Alamat Kediaman dengan Bandar, Poskod dan Negeri
- v. E-mel (pilihan)

Aplikasi mudah alih itu akan mengumpul data lokasi anda dan mengekalkan rekod tempat-tempat yang dikunjungi oleh anda, sejurus kebenaran untuk mengakses perkhidmatan lokasi peranti diberikan semasa proses pendaftaran.

5. Bagaimana kebimbangan mengenai isu privasi data akan ditangani?

Identifikasi pengguna dan maklumat peribadi adalah kritikal untuk memastikan kefungsi pengesanan kontak adalah berdaya maju dan efektif. Bermatlamat untuk mengelak penyebaran wabak Covid-19 yang boleh meningkatkan kadar kematian harian, serta demi menjaga keselamatan seluruh rakyat Malaysia, pihak KKM memerlukan maklumat lokasi untuk memanfaatkan pengesanan kontak. Pengumpulan data peribadi yang relevan hanya akan digunakan untuk melengkapkan usaha-usaha pengesanan kontak.

6. Berapa lamakah aplikasi ini akan digunakan oleh pihak berkuasa?

Penggunaan aplikasi ini akan bermula dari tarikh yang diumumkan oleh Kerajaan dan segala data peribadi serta lokasi peranti akan digunakan dalam tempoh PKPB seperti diumumkan dari semasa ke semasa.

Penggunaan aplikasi ini akan ditamatkan apabila Kerajaan mengumumkan penamatan PKP kelak dan data terkumpul akan disimpan selama tempoh enam (6)

¹ Pengesanan hampir masa nyata dicapai dalam tempoh 24 jam disebabkan pergantungan kepada kepelbagaian pemboleh ubah.

bulan. Selepas enam (6) bulan semua data terkumpul melalui aplikasi ini (data peribadi dan lokasi peranti) akan dilupuskan.

Meskipun begitu, pengguna boleh membuang aplikasi ini daripada peranti masing-masing sebaik sahaja penamatan PKPB telah diumumkan berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

7. Apakah peranti yang menyokong aplikasi mudah alih Gerak Malaysia?

Untuk menggunakan aplikasi mudah alih Gerak Malaysia, anda memerlukan peranti yang memenuhi keperluan sistem dan keserasian kandungan yang berkaitan, akses Internet dan sistem operasi yang serasi.

Bagi pengguna peranti Android, aplikasi mudah alih ini boleh dimuat turun dan digunakan dengan perisian operasi 5.0 (Lollipop) ke atas. Bagi pengguna iOS pula, peranti perisian operasi iPhone tersebut mestilah iOS 11 ke atas.

8. Bagaimana saya boleh muat turun aplikasi mudah alih Gerak Malaysia?

Sila kunjungi *Apple App Store*, *Google Play Store* ataupun *Huawei AppGallery* dan cari 'Gerak Malaysia' untuk muat turun aplikasi mudah alih tersebut.

9. Adakah saya perlu membayar untuk menggunakan aplikasi mudah alih Gerak Malaysia ini?

Tidak. Muat turun dan pendaftaran aplikasi mudah alih Gerak Malaysia adalah percuma. Kuota data tambahan sebanyak 1GB yang diberikan oleh syarikat telekomunikasi di Malaysia antara jam 8 pagi hingga 6 petang sepanjang PKP ini juga bermakna tiada kos penggunaan data semasa aplikasi ini dimuat turun.

B. CARA-CARA MENGGUNAKAN APLIKASI MUDAH ALIH GERAK MALAYSIA

10. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memuat turun aplikasi mudah alih ini?

i. LANGKAH 1:

Muat turun aplikasi mudah alih Gerak Malaysia dari *Apple App Store*, *Google Play Store* atau *Huawei AppGallery*.

- ii. **LANGKAH 2:**
Selepas memeriksa skrin yang menjelaskan tujuan aplikasi berkenaan, Tekan “MULA SEKARANG” untuk mendaftar sebagai pengguna baharu.
- iii. **LANGKAH 3:**
Masukkan nombor telefon bimbit anda dan klik “HANTAR OTP” untuk mendapatkan OTP (kata laluan sekali) sebagai proses pengesahan melalui SMS. OTP merupakan perkhidmatan pengesahan yang membenarkan telefon dikenal pasti kepada pengguna. Ini adalah untuk perlindungan peribadi anda.
- iv. **LANGKAH 4:**
Masukkan Kod Pengesahan OTP yang dihantar melalui SMS. OTP akan dihantar daripada Kod Pendek 62033. Anda mempunyai tiga (3) minit untuk memasukkan kod pengesahan.
Jika OTP tidak dihantar, sila tunggu selama tiga (3) minit lagi untuk membolehkan anda klik “Hantar Semula OTP”.
- v. **LANGKAH 5:**
Pengguna dikehendaki untuk memasukkan butiran berikut ke dalam aplikasi mudah alih:
 - a. Nama
 - b. Alamat Kediaman
 - c. Bandar
 - d. Poskod
 - e. Negeri
 - f. Nombor Kad Pengenalan/Pasport
 - g. E-mel
- vi. **LANGKAH 6:**
Klik “YA” bagi membolehkan KEBENARAN untuk berkongsi lokasi peranti.
- vii. **LANGKAH 7:**
Klik “BENARKAN” untuk memberi kebenaran kepada Gerak Malaysia mengesan lokasi peranti.
- viii. **LANGKAH 8:**
Pendaftaran selesai dan anda akan dipandu arah ke laman utama aplikasi mudah alih Gerak Malaysia.

Nota : Pendaftaran semula perlu dibuat walaupun pengguna telah mendaftar menggunakan versi Gerak Malaysia sebelum ini. .

11. Adakah saya perlu mengemas kini aplikasi mudah alih ini sepanjang masa?

Ya, berkemungkinan ada ciri dan pembaikan baharu untuk memudahkan penggunaan, aplikasi mudah alih tersebut perlu dikemas kini sepanjang masa bagi memastikan anda mempunyai versi yang terkini.

12. Adakah saya perlu pastikan aplikasi mudah alih itu sentiasa aktif sepanjang masa?

Aplikasi Gerak Malaysia akan tetap berfungsi secara pasif (*function in background*), dan tidak perlu aktif sepanjang masa. Untuk berfungsi dengan sempurna, anda hanya perlu memastikan bahawa Perkhidmatan Lokasi (*Location Services*) diaktifkan sepanjang masa. Ini bertujuan untuk membantu pihak berkuasa membuat keputusan yang tepat semasa tempoh ini dalam usaha pengesanan kontak.

Jika anda menggunakan sistem operasi mudah alih Android, anda boleh mengaktifkan Perkhidmatan Lokasi semasa proses penyediaan dan pendaftaran.

Jika anda tidak memberi kebenaran untuk mengaktifkan Perkhidmatan Lokasi semasa proses pendaftaran, anda boleh kembali ke menu tatapan (*settings menu*) untuk memberi kebenaran kepada Perkhidmatan Lokasi. Latar>Aplikasi>Gerak Malaysia>Kebenaran>Lokasi

Untuk sistem operasi mudah alih Apple, prosedur sama adalah terpakai melainkan terdapat pilihan tambahan di mana pengguna boleh memilih untuk hanya menggunakan Perkhidmatan Lokasi apabila aplikasi mudah alih itu sedang digunakan. Ini bermakna apabila aplikasi mudah alih tersebut tidak dilancarkan, ciri penuh aplikasi mudah alih itu tidak akan berfungsi.

Pengguna **Apple** boleh menetapkan pilihan lokasi mereka di sini: Latar>Gerak Malaysia>Lokasi. Sila pilih Selalu Aktif (*Always On*)

13. Apa akan terjadi jika saya menutup perkongsian lokasi peranti?

Jika Lokasi Perkhidmatan ditutup, pihak berkuasa tidak dapat untuk membuat keputusan yang tepat demi keselamatan awam dan melakukan usaha pengesanan kontak.

Kami mengesyorkan agar Lokasi Perkhidmatan diaktifkan sepanjang masa.

14. Bagaimanakah saya mengemaskini maklumat peribadi saya?

Sebarang pindaan boleh dibuat melalui tab “Maklumat Peribadi” yang terletak bersebelahan dengan tab “RUMAH”.

15. Bolehkah saya menggunakan nombor telefon orang lain untuk mendaftar aplikasi ini?

TIDAK. Tujuan aplikasi mudah alih ini adalah untuk mendaftar dan membuat permohonan perjalanan antara negeri dan mengenal pasti mereka yang mempunyai kontak rapat dengan mana-mana individu yang disyaki positif Covid-19.

16. Bolehkah aplikasi mudah alih ini membantu mengenal pasti sama ada seseorang itu adalah individu yang disiasat (PUI), individu dalam pemerhatian (PUS) dan pesakit Covid-19?

TIDAK, aplikasi ini tidak akan membantu anda mengenal pasti sama ada seseorang itu adalah PUI, PUS ataupun pesakit Covid-19 berhampiran dengan anda. Aplikasi mudah alih ini hanya akan digunakan untuk membantu pihak berkuasa dalam usaha pengesanan kontak serta membuat keputusan semasa PKP.

17. Sekiranya saya dikenal pasti melalui aplikasi ini sebagai PUS atau PUI, adakah orang lain akan tahu?

TIDAK. Aplikasi mudah alih ini tidak mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti sama ada anda adalah seorang PUI ataupun PUS. Perkara tersebut terletak di bawah bidang kuasa KKM. Dengan itu, tidak ada orang yang akan tahu sama ada anda adalah seorang PUI ataupun PUS menerusi aplikasi mudah alih ini. Walaupun anda telah menjalankan ujian bagi menentukan status anda, aplikasi mudah alih ini tidak akan tahu mengenai status berkenaan.

18. Apakah aplikasi mudah alih ini akan terus digunakan selepas wabak Covid-19 berjaya dikawal?

Jaminan untuk melupuskan semua data peribadi pengguna berkaitan aplikasi mudah alih Gerak Malaysia akan dilaksanakan dari pelayan komputer dalam tempoh 6 bulan selepas penamatan PKPB.

Pengguna aplikasi mudah alih berkenaan akan dimaklumkan untuk memadamkan aplikasi tersebut apabila fungsinya terhenti.

C. BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR PERJALANAN DENGAN GERAK MALAYSIA VERSI 2.5?

19. Versi aplikasi mudah alih yang manakah yang akan digunakan untuk mendaftar perjalanan?

Aplikasi Gerak Malaysia akan ditingkatkan ke **versi 2.5** pada **7 Mei 2020**. Bagi mereka yang telah memuat-turun versi sebelum ini, anda dinasihatkan untuk mendapatkan versi terbaharu dari *Google Play Store* ataupun *Huawei AppGallery*.

Untuk pengguna iOS, versi terbaru di *Apple App Store* (**versi 2.5**) akan dikemaskinikan oleh Apple pada **7 Mei 2020**. Oleh itu, pengguna iOS diminta mendaftar permohonan mereka pada 7 Mei 2020.

Kesemua pengguna perlu mengemaskini aplikasi Gerak Malaysia kepada versi 2.5, dan seterusnya menjana kod QR sebelum memulakan perjalanan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

20. Adakah Kod QR akan digunakan semasa PKPB?

Hanya Perjalanan Antara Negeri perlu menggunakan kod QR yang dijanakan menggunakan aplikasi Gerak Malaysia. Untuk jenis perjalanan yang lain dibawah:

- i. Membeli Makanan dan Keperluan Harian**
- ii. Rawatan Perubatan**
- iii. Kecemasan**
- iv. Aktiviti-aktiviti Perlu**

Kod QR untuk perjalanan i-iv boleh dijanakan di dalam aplikasi mudah alih Gerak Malaysia. Walaubagaimanapun, penggunaan kod QR tersebut adalah tertakluk kepada pengumuman oleh pihak berkuasa

21. Bagaimana saya boleh memohon untuk Perjalanan Antara Negeri?

Anda boleh membuat permohonan untuk Perjalanan Antara Negeri dengan mengikuti langkah-langkah berikut:

- i. Pilih Perjalanan Antara Negeri sebagai permulaan untuk mendaftar
- ii. Tekan butang "Seterusnya"
- iii. Isikan Alamat Asal (*Origin Address*) anda, dan tekan butang "Seterusnya"

- iv. Isikan Alamat Destinasi (*Destination Address*), dan tekan butang “Jana Kod QR”
- v. Anda akan menerima maklumat berikut:

Permohonan Diluluskan

Permohonan untuk Perjalanan Antara Negeri telah diluluskan. Anda mempunyai satu (1) hari kalendar untuk perjalanan anda.

Motif: Interstate Travel

Tarikh: (Tarikh anda membuat permohonan)

Tarikh Luput: Dua hari dari tarikh permohonan)

**Segala jenis Perjalanan Antara Negeri di luar waktu yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan sama sekali dan salah disisi undang-undang*

Tekan butang Tanda Semak (✓) untuk mendapatkan kod QR anda

- vi. Anda akan menerima kod QR untuk kegunaan pengesahan apabila diminta oleh pihak berkuasa

Nota 1: Permohonan Perjalanan Antara Negeri boleh dibuat untuk setiap perjalanan pergi dan balik diantara dua negeri

Nota 2: Kod QR akan di imbas oleh pegawai PDRM yang akan ditempatkan di sekatan jalanraya di seluruh Malaysia sebagai pemeriksaan apabila perlu untuk memastikan perjalanan yang dibuat adalah sah, mengikut jadual yang ditetapkan di soalan 23.

22. Bagaimana untuk mempamerkan kod QR anda?

- Lancar aplikasi Gerak Malaysia
- Pilih “Pamerkan Kod QR”
- Pilih Kod QR yang ingin dipamerkan

23. Bilakah Perjalanan Antara Negeri dapat dilaksanakan?

Selepas anda memuat-turun aplikasi Gerak Malaysia, anda boleh mendaftar untuk Perjalanan Antara Negeri untuk perjalanan anda dari 7 Mei 2020.

Anda perlu nyatakan alamat asal (*origin address*) dan alamat destinasi (*destination address*) anda untuk PDRM membuat ketetapan lanjut mengenai perjalanan anda.

Pergerakan akan dibenarkan dari 7-10 Mei 2020, mengikut jadual perjalanan yang telah ditetapkan untuk menyelaraskan aliran trafik dan juga menyenangkan pengesanan kontak. Jadual perjalanan adalah seperti berikut:

Tarikh	Lokasi Asal
7 Mei 2020	Kuala Lumpur
8 Mei 2020	Perak, Johor & Kelantan
9 Mei 2020	Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka & Pahang
10 Mei 2020	Selangor, Negeri Sembilan & Terengganu

Bagi setiap perjalanan, satu Kod QR diperlukan setiap hala perjalanan.

Nota Penting:

1. Setiap pemohon perlu mempunyai Kod QR yang sah dan bukannya screenshot.
2. Kod QR tersebut perlu mempunyai jam yang hidup untuk memastikan kesahihannya dan untuk meneruskan perjalanan
3. PDRM berhak untuk melihat jika jam di dalam aplikasi Gerak Malaysia berfungsi sebelum membenarkan pemohon untuk meneruskan perjalanan mereka
4. Kebenaran kepada individu untuk melakukan perjalanan antara negeri telah tamat pada 10 Mei 2020. Justeru, aplikasi mudah alih Gerak Malaysia bagi kategori berkenaan telah dihentikan sementara waktu sehingga pengumuman baharu oleh PDRM kelak
5. Mereka yang mempunyai keperluan untuk melakukan perjalanan antara negeri, adalah dinasihatkan untuk pergi ke balai polis berhampiran untuk mendapatkan kebenaran

24. **Apa akan berlaku jika saya terpaksa melakukan perjalanan diantara dua negeri yang berkongsi hari perjalanan yang sama, dan tidak sempat kembali ke rumah pada hari perjalanan?**

Bagi mereka mempunyai perjalanan dari jadual yang sama, sebagai contoh di bawah:

Contoh Perjalanan
Johor -> Kelantan -> Johor
Perlis -> Pahang -> Perlis
Negeri Sembilan -> Terengganu -> Negeri Sembilan

Kod QR yang dijanakan untuk perjalanan pergi, boleh digunakan sebagai bukti sokongan perjalanan balik pada keesokan harinya dengan segera dimana pegawai polis boleh melepaskan perjalanan anda mengikut budi bicara mereka.

D. CARA MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT DAN MEMBERI MAKLUM BALAS

25. Bagaimanakah caranya untuk mendapatkan maklumat lanjut atau bantuan berkenaan aplikasi ini?

Boleh dapatkan maklumat di:

- <https://www.gerakmalaysia.gov.my>

E-mel kepada:

- info@gerakmalaysia.gov.my

26. Bagaimana saya boleh memberi maklum balas berhubung dengan penggunaan aplikasi mudah alih Gerak Malaysia?

E-mel kepada:

- feedback@gerakmalaysia.gov.my dalam Bahasa Inggeris; atau
- maklumbalas@gerakmalaysia.gov.my dalam Bahasa Melayu.

27. Kepada siapa yang boleh diajukan jika saya ingin membuat aduan?

E-mel kepada:

- complaint@gerakmalaysia.gov.my dalam Bahasa Inggeris atau
- aduan@gerakmalaysia.gov.my dalam Bahasa Melayu

Gerak Malaysia berhak untuk mengubah dan mengemas kini Soalan-Soalan Lazim berkenaan, sebagaimana difikirkan sesuai. Maklumat adalah tepat pada masa ia disiarkan.

SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC)

19 MEI 2020